

**PM Tiba Di Sarawak Untuk Lawatan Sehari  
Bernama  
10 Ogos, 2012**

KUCHING, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Sarawak.

Ketibaan beliau dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching kira-kira 4.45 petang, disambut Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, barisan Kabinet negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Pang Joheng, bapa ratu terjun negara, Pandelega Rinong yang memenangi pingat gangsa dalam acara terjun papan anjal 10 meter di Sukan Olimpik hari ini, turut hadir menyambut Perdana Menteri.

Najib dan isteri dijadual berbuka puasa di bangunan baharu Dewan Undangan Negeri Sarawak, diikuti solat Maghrib, Isyak dan sunat Tarawih.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada Lembaga Kebajikan Anak-Anak Yatim Sarawak dan The Salvation Army.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687312>